



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (18 DISEMBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **satu (1) kes** positif COVID-19 dikesan di Kuching. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,085 kes.**

#### **A. Kes Baharu COVID-19**

##### **i. Kes Saringan Individu Balik Dari Kawasan Berisiko Jangkitan COVID-19 (1 Kes Baharu : Kes Import-B)**

**Kes 1,085** merupakan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang telah menjalani saringan COVID-19 sebagai individu yang baru balik dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 iaitu dari Sabah. Kes telah masuk ke Sarawak melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada 7 Disember 2020 dan telah menjalani kuarantin wajib di pusat kuarantin di Bandaraya Kuching.

Kes telah menjalani saringan COVID-19 pertama pada 7 Disember 2020 dan keputusan ujian adalah negatif. Kes kemudiannya telah menjalani saringan kedua pada 16 Disember 2020 dan mendapati kes adalah positif COVID-19.

Kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala. Kes telah dirujuk dan dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Pengesanan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan dan kes ini dikategorikan sebagai kes Import-B iaitu mendapat jangkitan semasa berada di kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19.

#### **B. Pengesanan Kes Positif Warga Indonesia di Daerah Sibu.**

Hasil semakan rakaman litar tertutup di Terminal Bus Jalan Pahlawan, Sibu mendapati empat (4) kes positif warga Indonesia disyaki telah menaiki bus dengan nombor pendaftaran QSX 6722 milik Syarikat Sungai Merah pada 17 Disember 2020 lebih kurang jam 12.50 pagi. Bus bertolak dari Terminal tersebut lebih kurang jam 1.00 pagi hari yang sama dari Sibu ke Serian.

Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak memohon penumpang bas terbabit untuk tampil ke klinik kesihatan yang terdekat bagi menjalani saringan.

#### **C. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.**

Hanya satu (1) kluster yang masih aktif di Sarawak iaitu **Kluster Besi, Kuching** dengan kes positif kekal 12 orang termasuk kes indeks.

#### **D. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital**

**Tiada kes** baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj kekal seramai **1,050** orang atau **96.77%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **16** orang iaitu:

- 13 kes di Hospital Umum Sarawak;
- Dua (2) kes di Hospital Sibul, dan
- Satu (1) kes di Hospital Bintulu.

Hari ini, **20 PUI** baru telah dilaporkan dan **tiada PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

#### **E. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Daerah Serian dan Sibul kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan dua (2) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas iaitu Serian (1) dan Sibul (1). Manakala 38 buah daerah lain kekal berstatus Hijau.

## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah bermesyuarat hari ini dan beberapa keputusan telah dibuat seperti berikut:

### **A. Garis Panduan (SOP) Perayaan Hari Krismas**

Bagi sambutan Hari Krismas, sambutan hanya dibenarkan pada hari pertama sahaja dengan kapasiti kehadiran seramai 20 orang pada satu-satu masa dan dihadkan untuk ahli keluarga terdekat sahaja. Garis Panduan (SOP) terperinci boleh didapati di dalam laman rasmi Unit Hal Ehwal Agama-Agama lain (UNIFOR).

### **B. Pembukaan Rumah Urut & Refleksologi Bagi Orang Buta**

Rumah Urut dan Refleksologi bagi Orang Buta dibenarkan beroperasi **mulai 21 Disember 2020** dengan memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. Setiap premis perlu memohon kelulusan bertulis daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat di Bahagian masing-masing sebelum beroperasi dan mengemukakan salinan kepada pihak berkuasa tempatan dimana premis tersebut beroperasi.
- ii. Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu memeriksa untuk memastikan bahawa premis tersebut mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.

- iii. Operator dan semua pekerja dikehendaki untuk menjalani ujian rt-PCR sebelum dibenarkan bekerja dan keputusan ujian hendaklah **negatif** dan tidak melebihi **tiga (3) hari sebelum** beroperasi. Senarai pekerja yang telah menjalani ujian ini perlu dipaparkan.
- iv. Garis panduan terperinci boleh didapati dari laman rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak.

### **3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN**

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan empat (4) notis kompaun kerana telah melanggar SOP iaitu di Daerah Kuching (2), Sarikei (1) dan Betong (1).

Manakala Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **119 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu MPP (28), DBKU (23), SMC (22), BDA (16), MD Marudi (11), MD Lawas (9), Serian (7), MB Miri (2) dan MD Sarikei (1).

### **4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)**

Hari ini, sebanyak **1,220 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (142), Restoran (211), Kilang (19), Bank (102), Pejabat Kerajaan (36), Penjaja (21), Pasar Tani/Awam (67), Tempat Ibadah (59), Tempat Riadah (33), Tapak Pembinaan (16) dan lain-lain (514).

Seramai **585 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (277), ATM (33), RELA (134), APM (84), PBT (50), KKM (3) dan lain-lain agensi (4).

## **5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,229** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**18 DISEMBER 2020**

**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Previous Cases	1084	Total Cases still in ward	16	1.47%
New Cases	1	Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Total Samples by Individu	200,133	Intubated Cases	0	0.00%
Cumm. Positive Cases	1085	Total Death Cases	19	1.75%
IR per 100,000 population	35.17	Recovered and discharged cases	1,050	96.77%
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	New	Cummulative
Negative	21	9,958	20	11,043
Pending Result	0	0		

Current Status	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward	13	2	1	0	0	16
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Intubated cases	0	0	0	0	0	0
Total Death Cases	17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	0	0	0	0	0
	Cummulative	873	43	49	79	2
Total re-admission cases ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (2)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	2	335	0	27	0	25	0	0	2	1	1
2	Sibu	0	130	0	25	0	23	0	0	2	6	1
Jumlah		2	465	0	52	0	48	0	0	4	7	2

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (38)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	15	7,483	1	721	0	699	0	12	10	8	0
2	Miri	0	912	0	58	0	57	0	1	0	0	0
3	Lawas	0	29	0	11	0	11	0	0	0	1	0
4	Lundu	0	262	0	7	0	7	0	0	0	0	0
5	Limbang	0	35	0	13	0	12	0	1	0	0	0
6	Samarahan	2	608	0	116	0	112	0	4	0	0	0
7	Bintulu	0	327	0	50	0	49	0	0	1	1	0
8	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
9	Bau	1	187	0	7	0	7	0	0	0	0	0
10	Simunjan	0	67	0	8	0	8	0	0	0	0	0
11	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
12	Tebedu	0	8	0	3	0	3	0	0	0	0	0
13	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
14	Sri Aman	0	57	0	5	0	3	0	1	1	1	0
15	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
16	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
18	Sarikei	0	93	0	6	0	6	0	0	0	0	0
19	Saratok	0	28	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
31	Kapit	0	37	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Song	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>18</b>	<b>10,578</b>	<b>1</b>	<b>1,033</b>	<b>0</b>	<b>1,002</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>12</b>	<b>11</b>	<b>0</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>20</b>	<b>11,043</b>	<b>1</b>	<b>1,085</b>	<b>0</b>	<b>1,050</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>16</b>	<b>18</b>	<b>2</b>

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak



## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **322 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **42 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **3,805 orang**. Manakala seramai **41,195 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 18.12.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	<b>Kuching (2,006)</b>	Hock Lee	49
2		Grand Dormani	37
3		Kuching Park	66
4		Pullman	338
5		Hilton	234
6		Harbour View	211
7		Riverside (Astana Wing)	205
8		Grand Margherita	286
9		Imperial Boulevard	122
10		Tune Hotel	16
11		Dormani Hotel	25
12		Grand Continental	81
13		Meritin	39
14		Longhouse	78
15		Abell	33
16		Lot 10	51
17		Telang Usan	47
18		Imperial Riverbank	88
19	<b>Miri (1,076)</b>	Mega Hotel	145
20		Somerset	31
21		Imperial Palace	225
22		Eastwood Valley	77
23		Imperial New Wing	97
24		Paragon	58
25		Meritz	186
26		Miri	34
27		Dynasty	122
28		Kenyalang Suite	25
29		Citi Hotel	33
30	Nova	43	
31	<b>Bintulu (359)</b>	Wasan Inn	36
32		Fairfield by Marriot	151
33		Kidurong Inn	52
34		Motel Kapok	56
35		Faber Inn	37
36		AA Inn	27
37	<b>Limbang (181)</b>	Purnama	50
38		Seri Malaysia (Lawas)	105
39		Mandarin (Lawas)	26
40	<b>Sibu (94)</b>	Premier	94
41	<b>Samarahan (89)</b>	INFRA	57
42		Kolej Rafflesia, UNIMAS	32
<b>Jumlah PUS</b>			<b>3,805</b>

### 3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **2 lokasi di Sarikei (1) dan Samarahan (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,088 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 18.12.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
1	Kuching	TIADA	703
2	Miri	TIADA	424
3	Sibu	TIADA	196
<b>4</b>	<b>Samarahan</b>	<b>1</b>	<b>138</b>
5	Bintulu	TIADA	121
<b>6</b>	<b>Sarikei</b>	<b>1</b>	<b>119</b>
7	Limbang	TIADA	98
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	60
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>2,088</b>

#### 4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **42 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 18.12.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	DBKU	1
2	MPP	1
3	MD Serian	3
4	SMC	9
5	MCC	15
6	MD Marudi	5
7	MD Lawas	8
<b>Jumlah</b>		<b>42</b>